

~~611-230/80~~ 36

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, MERASMIKAN
PELANCARAN SISTEM PANGGILAN
SAMBUNGJAUH TERUS DAIL (STD)
DIANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA
DENGAN SARAWAK DAN SABAH, PADA
HARI SABTU, 30HB OGOS, 1980 JAM
9.10 MALAM.

(Rakaman dibuat di IPTAR pada
hari Jumaat, 29hb Ogos, 1980
jam 4.30 petang.)

Tuan-tuan dan puan-puan.

~~Bidang~~ Perkhidmatan telekomunikasi

di negara kita, telah maju setapak lagi, dengan

pe lancaran sistem Panggilan Sambungjauh, Terus

Dail, diantara Semenanjung Malaysia dengan

Sarawak dan Sabah ^{ini.} ~~ini.~~ Perkhidmatan ini, adalah

salah satu kemudahan yang akan membantu

dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara

kita. Ia juga dapat melicinkan jentera pentadbiran

negara, disamping mengeratkan lagi hubungan

dan persefahaman di kalangan rakyat.

.. /2..

2. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan telekomunikasi ini. Sejak lahirnya Malaysia, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, untuk mendekatkan lagi Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung, dalam berbagai bidang. Dalam bidang telekomunikasi pula, berbagai rancangan telah dilaksanakan, dan hubungan di antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah, telah menjadi bertambah baik. Dengan terlaksananya, kebel telefon dasar laut, diantara Kuantan dan Kuching ini, maka kemudahan-kemudahan

telekomunikasi antara negeri-negeri di Malaysia ~~ini~~ telah mencapai taraf yang sama.

3. Adalah menjadi harapan saya, dengan wujudnya kemudahan baru ini, rakyat di negara kita, yang tinggal di Semenanjung, Sarawak dan Sabah, akan berasa lebih dekat dan berpadu. Kemudahan baru ini, akan juga menolong mempesatkan lagi pembangunan di seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Dengan terlaksananya rancangan ini, pihak Jabatan Telekom dapat menurunkan kadar bayaran telefon diantara Semenanjung dengan

Sarawak dan Sabah. Jika terdahulu dari ini, kadar bayaran yang dikenakan diantara Semenanjung dengan Sarawak bagi tempoh 3 minit ialah \$9.60, mulai 31hb Ogos ini, kadarnya diturunkan kepada \$6.00. Kadar bayaran diantara Semenanjung dengan Sabah pula, akan juga diturunkan dari \$12.90 kepada \$6.00.

5. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Jabatan Telekom, Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan dan kepada semua yang telah menjayakan projek ini.



Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Dengan ini, saya dengan sukacitanya,

merasmikan pelancaran Sistem Panggilan

Sambungjauh, Terus Dail, diantara Semenanjung

dengan Sarawak dan Sabah.





No Siri	500
No Penerimaan	171/80